



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 72
No. 26

19hb Disember 2019

*TAMBAHAN No. 3
ENAKMEN*

Undang-undang semakan yang berikut adalah dengan ini diterbitkan menurut subseksyen 7(1) Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Perak) 2005 [*Enakmen 1*]:

The following revised law is hereby published pursuant to subsection 7(1) of the Revision of Laws (State of Perak) Enactment 2005 [*Enactment 1*]:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen 14	Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak 1967
Enactment 14	Perak State Development Corporation Enactment 1967



UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 14

**ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI
PERAK 1967**

(Disemak—2019)

DISEMAK OLEH
PESURUJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG PERAK
DI BAWAH KUASA ENAKMEN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (NEGERI PERAK) 2005
2019

**ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN
NEGERI PERAK 1967**

Tarikh Perkenan Diraja	7 Oktober 1967
Disemak sehingga	26 November 2019
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i> bagi edisi semakan ini	19 Disember 2019
Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat kuasanya edisi semakan ini menurut perenggan 5(1)(x) Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Perak) 2005 [Enakmen 1]	19 Disember 2019

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1967 sebagai Enakmen No. 3 Tahun 1967

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 14

ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK 1967

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERBADANAN

3. Penubuhan dan pemerbadanan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
4. Keahlian
5. Hilang kelayakan menjadi ahli
6. Mesyuarat dan korum
7. Percanggahan kepentingan
8. Meterai Perbadanan
9. Kuasa Perbadanan untuk mewakilkan
10. Kuasa Pengerusi untuk mewakilkan

BAHAGIAN III

PEGAWAI DAN KAKITANGAN

11. Pelantikan pegawai dan kakitangan Perbadanan
12. Penggunaan tidak sepatutnya akan maklumat
13. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198]

BAHAGIAN IV**TUGAS DAN KUASA PERBADANAN**

Seksyen

14. Tugas Perbadanan
15. Kuasa am Perbadanan
16. Tugas dan kuasa tambahan Perbadanan
17. Pelaburan dan pinjaman
18. Pinjaman boleh dicagar dengan gadai janji
19. Pemberian Persekutuan

BAHAGIAN V**KUMPULAN WANG DAN HASIL PERBADANAN**

20. Kumpulan Wang Perbadanan
21. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
22. Pelaburan
23. Penyimpanan akaun
24. Penyiasatan akaun
25. Tahun kewangan dan akaun beraudit
26. Laporan tahunan
27. Kuasa menggunakan ejen
28. Pengecualian

BAHAGIAN VI**PENGGULUNGAN PERBADANAN**

29. Penggulungan

BAHAGIAN VII**PELBAGAI PERKARA**

30. Kuasa membuat peraturan-peraturan

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 14

ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK 1967

Suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[20 Oktober 1967, Pk. En. 3/1967]

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak 1967.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Pihak Berkuasa Melantik” ertinya pihak berkuasa yang mempunyai kuasa melantik ahli Perbadanan di bawah seksyen 4;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Perbadanan dan termasuklah Timbalan Pengerusi dan mana-mana Pengerusi sementara yang dilantik di bawah seksyen 4;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Kemajuan Negeri Perak yang ditubuhkan bagi maksud pembangunan kawasan bandar dan luar bandar di bawah seksyen 3;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 20;

“Dewan Negeri” ertinya Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan;

“ahli” atau “ahli Perbadanan” ertinya seseorang ahli Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 4;

“Menteri” ertinya Perdana Menteri atau mana-mana Menteri sebagaimana yang dinamakan olehnya;

“Menteri Besar” ertinya Menteri Besar Perak; dan

“Negeri” ertinya Negeri Perak.

BAHAGIAN II

PERBADANAN

Penubuhan dan pemerbadanan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Perbadanan Kemajuan Negeri Perak” adalah ditubuhkan.

(2) Perbadanan adalah kekal turun-temurun.

(3) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya sendiri.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini, Perbadanan boleh—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan

- (c) memindahkan, menyerahhukkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhukkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau menjalankan urusan, mengenai apa-apa harta alih atau tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak kepada Perbadanan mengikut apa-apa syarat yang disifatkan patut oleh Perbadanan.

Keahlian

- 4. (1) Perbadanan hendaklah terdiri daripada—
 - (a) seorang Pengerusi, iaitu Menteri Besar;
 - (b) tidak lebih daripada lapan orang ahli lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri Besar; dan
 - (c) tidak lebih daripada tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan yang hendaklah dilantik oleh Menteri.
- (2) Seseorang ahli Perbadanan, selain daripada yang dilantik di bawah perenggan (1)(c), hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan adalah layak dilantik semula, melainkan jika dia terlebih dahulu meletak jawatannya atau pelantikannya dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Melantik:

Dengan syarat jika seseorang ahli meletakkan jawatan atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Melantik, seorang lain boleh dilantik untuk mengantikannya bagi baki tempoh pelantikan ahli yang digantikan itu.
- (3) Raja dalam Mesyuarat boleh melantik mana-mana ahli Perbadanan menjadi Pengerusi sementara Perbadanan semasa Pengerusi Perbadanan tidak berkeupayaan kerana sakit atau semasa ketiadaan sementara daripada Malaysia.
- (4) Pengerusi Perbadanan tidak boleh menjadi Ketua Eksekutif Perbadanan.

Hilang kelayakan menjadi ahli

5. (1) Orang-orang berikut hendaklah hilang kelayakan daripada dilantik sebagai ahli atau menjadi ahli Perbadanan:

- (a) seseorang yang tidak sempurna akal atau selainnya tidak berkeupayaan menunaikan kewajipannya;
- (b) seseorang bankrap;
- (c) seseorang yang telah disabitkan bersalah atas kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak.

(2) Seseorang ahli Perbadanan hendaklah mengosongkan jawatannya jika dia gagal menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis daripada orang yang dipertanggungjawabkan dengan pentadbiran am Perbadanan atau dia hilang kelayakan di bawah subseksyen (1).

Mesyuarat dan korum

6. (1) Perbadanan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap tahun bagi maksud menimbangkan perbelanjaan tahunan bagi tahun yang akan datang dan apa-apa urusan yang mengenainya notis diberi dengan sempurnanya.

(2) Pengerusi boleh pada bila-bila masa memanggil diadakan mesyuarat Perbadanan dan hendaklah, apabila diminta secara bertulis oleh tidak kurang daripada tiga orang ahli Perbadanan, memanggil diadakan suatu mesyuarat khas dalam masa sebulan dari tarikh permintaan itu.

(3) Minit dalam bentuk yang sepatutnya bagi setiap mesyuarat Perbadanan hendaklah disimpan dan disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi dengan secepat mungkin yang dapat dilaksanakan sesudah itu dalam mesyuarat yang kemudian.

(4) Perbadanan boleh menjemput mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Perbadanan yang tertentu bagi maksud membantu dan menasihat Perbadanan tetapi orang yang dijemput itu tidak berhak mengundi.

(5) Korum di semua mesyuarat Perbadanan hendaklah separuh daripada ahlinya hadir dengan sekurang-kurangnya seorang ahli wakil Kerajaan Persekutuan hadir.

(6) Walau apa pun yang dinyatakan dalam subseksyen (5), sesuatu mesyuarat Perbadanan yang menimbang atau memutuskan perkara-perkara yang dirujuk di bawah perenggan 17(1)(a) hingga (d), korum hendaklah dua pertiga dengan sekurang-kurangnya seorang ahli wakil Kerajaan Persekutuan hadir.

(7) Jika atas suatu persoalan untuk diputuskan oleh Perbadanan, terdapat persamaan undi, orang yang mempengaruhi mesyuarat itu, hendaklah mempunyai undi pemutus.

(8) Tertakluk kepada subseksyen (1) hingga (7), Perbadanan bolehlah menentukan tatacaranya sendiri.

Percanggahan kepentingan

7. (1) Tiada seorang pun ahli Perbadanan boleh mempunyai apa-apa kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui saudara maranya, dari segi kewangan atau selainnya, dalam mana-mana rancangan, projek, perusahaan atau kontrak yang dijalankan atau yang dicadangkan akan dijalankan oleh Perbadanan atau dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Perbadanan, sekiranya ahli itu mempunyai kepentingan, dia hendaklah dengan serta merta terhenti daripada menjadi ahli Perbadanan.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang ahli Perbadanan berkenaan dengan kepentingannya dalam sesebuah syarikat atau badan lain yang dia telah dinamakan oleh Perbadanan sebagai wakilnya dan dalam hal di mana syarikat atau badan lain itu berada di bawah kawalan atau separa kawalan Perbadanan.

Meterai Perbadanan

8. (1) Meterai Perbadanan hendaklah mempunyai suatu tanda sebagaimana yang diluluskan oleh Perbadanan dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu oleh Perbadanan sebagaimana yang difikirkan patut.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Perbadanan, suatu cap yang mengandungi perkataan “Perbadanan Kemajuan Negeri Perak” bolehlah digunakan sebagai meterai.

(3) Meterai atau cap yang disebut dalam subseksyen (2), selagi digunakan sebagai meterai, hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang menghendaki meterai Perbadanan, hendaklah dimeteraikan dengan meterai atau cap Perbadanan di hadapan Pengerusi dan seorang ahli atau pegawai Perbadanan yang diberi kuasa oleh Perbadanan untuk bertindak bagi pihaknya, dan mereka yang menandatangani surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang dimeteraikan itu dan tandatangan yang sedemikian hendaklah menjadi bukti yang mencukupi bahawa meterai atau cap itu telah dicapkan dengan sempurna dan meterai atau cap itu digunakan sebagai meterai yang sah bagi Perbadanan.

(4) Meterai Perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Kuasa Perbadanan untuk mewakilkan

9. (1) Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Perbadanan boleh melalui ketetapan mewakilkan kepada mana-mana ahli, pegawai atau kakitangan Perbadanan atau kepada mana-mana jawatankuasa yang mengandungi dua atau lebih ahli, pegawai atau kakitangan Perbadanan, kuasa dan kebenaran untuk menjalankan bagi pihak mereka apa-apa tugas, kuasa atau fungsi sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan.

(2) Perbadanan boleh bagi maksud subseksyen (1), memberi arahan bagaimana kuasa yang diwakilkan atau kebenaran itu dilaksanakan dan boleh pada bila-bila masa membatalkan, meminda atau menambah pewakilan itu.

(3) Tanpa menjaskan keluasan makna subseksyen (1) dan tertakluk kepada subseksyen (2), Perbadanan boleh dengan ketetapan mewakilkan kepada mana-mana ahli, pegawai atau kakitangan Perbadanan atau kepada mana-mana jawatankuasa yang mengandungi dua atau lebih ahli, pegawai atau kakitangan

Perbadanan, kuasa untuk membenarkan perbelanjaan, hingga ke suatu had yang ditetapkan oleh Perbadanan bagi setiap perkara, daripada Kumpulan Wang atau apa-apa wang lain di bawah kawalan Perbadanan.

(4) Ketetapan untuk mewakilkan apa-apa tugas, kuasa atau fungsi di bawah seksyen ini adalah tidak sah melainkan sekurang-kurangnya lima orang ahli Perbadanan mengundi memihak ketetapan itu.

Kuasa Pengerusi untuk mewakilkan

10. (1) Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Pengerusi boleh mewakilkan secara bertulis kepada mana-mana ahli, pegawai atau kakitangan Perbadanan, kuasa dan kebenaran untuk menjalankan bagi pihaknya tugas, kuasa atau fungsinya sebagaimana yang ditentukannya.

(2) Pengerusi boleh bagi maksud subseksyen (1), memberikan arahan bagaimana kuasa yang diwakilkan atau kebenaran itu dilaksanakan dan boleh pada bila-bila masa membatalkan, mengubah suai atau menambah pewakilan itu.

BAHAGIAN III

PEGAWAI DAN KAKITANGAN

Pelantikan pegawai dan kakitangan Perbadanan

11. (1) Perbadanan boleh melantik atau menggunakan khidmat pegawai dan kakitangan lain sebagaimana yang semunasabahnya perlu bagi maksud Enakmen ini.

(2) Pegawai dan kakitangan Perbadanan hendaklah berada di bawah kawalan pentadbiran Pengerusi.

(3) Semua ahli, pegawai dan kakitangan Perbadanan hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

Penggunaan tidak sepatutnya akan maklumat

12. Seseorang pegawai atau kakitangan Perbadanan tidak boleh menggunakan apa-apa maklumat yang diperolehi melalui kedudukannya sebagai seorang pegawai atau kakitangan Perbadanan untuk mendapatkan secara langsung atau tidak langsung sesuatu faedah yang tidak sepatutnya untuk dirinya atau orang lain atau untuk memudarangkan Perbadanan.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198]

13. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Perbadanan atau terhadap mana-mana ahli, pegawai, kakitangan atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dilakukan atau dibuat oleh Perbadanan atau mana-mana orang atas sifat sedemikian.

BAHAGIAN IV**TUGAS DAN KUASA PERBADANAN****Tugas Perbadanan**

14. Tugas Perbadanan adalah—

- (a) menggalakkan pembangunan mana-mana kawasan pertanian, perusahaan, perdagangan, perniagaan dan perumahan dan/atau pengusahaan dalam Negeri yang ditetapkan bagi maksud itu;
- (b) menjalankan usaha perniagaan dalam bidang pertanian, perusahaan, perdagangan dan perumahan;
- (c) dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membayai, menjalankan atau membantu dalam menjalankan apa-apa jenis skim pembangunan atau pembangunan semula bandar dan luar bandar;
- (d) menjalankan usaha pemulihan tanah;

- (e) mengambil bahagian di dalam aktiviti melombong;
- (f) menjalankan apa-apa aktiviti tersebut bersama dengan atau bertindak sebagai wakil urusan, atau selainnya bertindak bagi pihak, mana-mana badan atau orang, termasuk jabatan atau pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Negeri;
- (g) membeli, menanggung insuran atau sebaliknya mengambil apa-apa stok atau saham dari mana-mana syarikat awam atau persendirian dan melepaskannya berdasarkan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan;
- (h) menubuh dan menyelenggarakan institut latihan;
- (i) menjalankan apa-apa aktiviti yang bersifat perusahaan, sosial, pertanian, perdagangan dan ekonomi yang pada pandangan Perbadanan adalah perlu, berfaedah atau bersesuaian untuk atau berkaitan dengan tugasnya, termasuk mengilang, memasang, memproses, membungkus, menggred dan memasarkan hasil perlombongan, pembalakan, penyelidikan dan latihan;
- (j) menjalankan segala perkara dan tindakan lain yang dikehendaki bagi pelaksanaan atau menyempurnakan kesemua atau mana-mana fungsi dan tugas Perbadanan;
- (k) bertindak sebagai pihak berkuasa tempatan di dalam kawasan yang di luar kawasan pihak berkuasa tempatan jika dibenarkan sedemikian mengikut mana-mana undang-undang bertulis.

Kuasa am Perbadanan

15. Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini, Perbadanan boleh—

- (a) membeli, menukar, memajak dan memiliki tanah, bangunan dan harta tak alih lain;
- (b) membina rumah, rumah pangsa, tempat tinggal, kedai dan rumah kedai, mengubah mana-mana rumah, kedai atau rumah kedai menjadi rumah pangsa atau tempat tinggal;

- (c) membeli, menukarkan, memajak dan memiliki tanah bagi maksud pemajuan dan penjualan semula kepada orang ramai sebagai lot rumah dan bagi maksud mengadakan tempat lapang dan padang permainan;
- (d) membuat apa-apa kerja di atas tanah yang perlu bagi maksud memajukannya sebagai tanah bangunan;
- (e) membeli, menukarkan, memajak dan memiliki tanah lombong, pertanian dan balak masing-masing bagi maksud perlombongan, pembangunan pertanian dan pembalakan;
- (f) menjual tanah, bangunan atau harta tak alih lain;
- (g) memajak kepada orang lain mengikut peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam Negeri yang berhubungan dengan tanah atau perkiraan berkenaan dengan tanah, dari sebulan ke sebulan atau selainnya, mana-mana tanah atau bangunan atau harta tak alih lain pada apa-apa kadar sewa dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Perbadanan;
- (h) membuat kontrak dengan orang lain bahawa orang itu hendaklah membina atau membuat apa-apa kerja bagi pihak Perbadanan;
- (i) membuat apa-apa kontrak atau membuat apa-apa perbuatan atau perkara lain yang perlu dan wajar bagi menguatkuasakan maksud Enakmen ini;
- (j) memasuki perkongsian atau membuat mana-mana urusan bagi keuntungan bersama, gabungan kepentingan, kerjasama, usaha sama, konsesi bersaling, atau selainnya dengan mana-mana orang, badan atau syarikat yang menjalankan atau mengusahakan apa-apa perniagaan atau transaksi yang mana Perbadanan diberi kuasa untuk menjalankan atau mengusahakannya, atau apa-apa perniagaan atau transaksi yang boleh dijalankan secara langsung atau tidak langsung untuk memberi faedah kepada Perbadanan, dan mengambil atau selainnya memperoleh saham dan cagaran mana-mana syarikat, dan menjual, memiliki, mengeluar semula, dengan atau tanpa jaminan, atau selainnya menguruskan perkara-perkara tersebut;

- (k) membuat apa-apa urusan dengan Kerajaan Negeri atau mana-mana Kerajaan, badan berkanun, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah atau lain-lain yang dianggap sesuai dengan tujuan Perbadanan atau mana-mana daripadanya, dan bagi mendapatkan daripada mana-mana Kerajaan atau pihak berkuasa, apa-apa hak, keistimewaan dan konsesi yang difikirkan patut oleh Perbadanan untuk diperolehi, dan untuk menjalankan, melaksanakan atau mematuhi mana-mana peraturan, hak, keistimewaan dan konsesi;
- (l) dari semasa ke semasa menubuhkan syarikat atau syarikat-syarikat bagi maksud memperolehi semua atau mana-mana harta, hak atau liabiliti Perbadanan atau bagi apa-apa maksud yang mungkin secara langsung atau tidak langsung berfaedah kepada Perbadanan.

Tugas dan kuasa tambahan Perbadanan

16. Sebagai tambahan kepada fungsi dan tugas Perbadanan yang dikenakan oleh Enakmen ini, Perbadanan boleh menjalankan apa-apa fungsi dan tugas lain dan mentadbir dan membelanjakan apa-apa wang bagi tujuan Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa berkanun, setelah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, memberi kepadanya dan dalam melaksanakannya Perbadanan hendaklah disifatkan sebagai menuaikan maksud Enakmen ini:

Dengan syarat bahawa mengenai tujuan ini, Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberi arahan kepada Perbadanan berkenaan—

- (a) perlaksanaan apa-apa tugas pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan oleh Perbadanan; dan
- (b) kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan diperluaskan kepada Perbadanan,

dan Perbadanan hendaklah, dengan secepat mungkin, melaksanakan arahan itu.

Pelaburan dan pinjaman

17. (1) Perbadanan tidak boleh, tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Kewangan, melainkan Menteri Kewangan memberikan arahan secara am atau khusus mengenai perkara itu —

- (a) menubuh atau menaja penubuhan atau pengembangan syarikat atau badan lain untuk menjalankan aktiviti sama ada di bawah kawalan atau separa kawalan Perbadanan sendiri atau secara bebas;
- (b) memberi bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat, pihak berkuasa berkanun lain, mana-mana badan atau orang dengan mengambil saham atau debentur atau dengan cara pinjaman, pendahuluan, pemberian atau secara lain;
- (c) membeli, menanggung insuran atau secara lain memperolehi apa-apa stok atau saham dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian; atau
- (d) meminjam wang atau memasuki apa-apa jaminan melibatkan liabiliti kewangan.

(2) Jika Perbadanan menjalankan kuasanya di bawah perenggan (1)(a) atau jika Perbadanan telah pun mempunyai kawalan atau separa kawalan dalam sesebuah syarikat atau badan lain, ahli pengurusan syarikat atau badan lain itu hendaklah terdiri tidak kurang daripada seorang ahli atau seorang pegawai Perbadanan.

(3) Pada memberi sesuatu persetujuan di bawah subseksyen (1), Menteri Kewangan boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(4) Perbadanan tidak boleh menujuhkan sesuatu pihak berkuasa berkanun sama ada di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain.

Pinjaman boleh dicagar dengan gadai janji

18. Perbadanan boleh menjamin pembayaran balik apa-apa jumlah wang yang dipinjam, melalui cagaran atau gadaian, di sisi undang-undang atau ekuiti, apa-apa harta yang terletak hak kepada Perbadanan, atau apa-apa hasil yang akan diterima oleh Perbadanan di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Pemberian Persekutuan

19. Kerajaan Persekutuan boleh memberikan wang kepada Perbadanan untuk tujuan menjalankan fungsi dan tugasnya.

BAHAGIAN V

KUMPULAN WANG DAN HASIL PERBADANAN

Kumpulan Wang Perbadanan

20. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Kumpulan Wang Perbadanan yang dinamakan “Kumpulan Wang” yang akan ditadbir dan dikawal oleh Perbadanan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa pemberian Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
- (b) semua pinjaman Perbadanan; dan
- (c) semua penerimaan Perbadanan.

(3) Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan untuk—

- (a) membayar semua perbelanjaan yang dilakukan oleh Perbadanan; dan
- (b) membayar semua pembayaran yang dikehendaki dibuat oleh Perbadanan di bawah Enakmen ini.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran

21. (1) Perbelanjaan Perbadanan hendaklah dibayar dari wang dalam Kumpulan Wang mengikut anggaran yang dibenarkan di bawah subseksyen (2).

(2) Sebelum permulaan bulan Julai setiap tahun, Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Menteri Besar suatu anggaran perbelanjaan bagi tahun berikutnya mengikut bentuk dan mengandungi apa-apa butir yang dikehendaki oleh Menteri Besar; dan Menteri Besar hendaklah sebelum permulaan setiap tahun memberitahu Perbadanan amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan.

(3) Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Menteri Besar suatu anggaran tambahan bagi mana-mana tahun dan Menteri Besar boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang dimasukkan ke dalam anggaran itu.

Pelaburan

22. Harta Perbadanan boleh, setakat mana ianya tidak dikehendaki untuk perbelanjaan oleh Perbadanan di bawah Enakmen ini, dilaburkan sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Penyimpanan akaun

23. (1) Perbadanan hendaklah menyebabkan disimpan akaun dan rekod lain yang sempurna mengenai transaksi dan hal ehwalnya mengikut prinsip perakaunan yang diakui umum dan hendaklah melakukan semua perkara yang perlu bagi memastikan bahawa semua pendapatan diakaunkan dengan sempurna dan semua perbelanjaan daripada Kumpulan Wang, termasuk pembayaran berkenaan dengan gaji, saraan dan faedah kewangan lain kepada ahli Perbadanan dan kakitangannya, adalah sebagaimana yang dibenarkan dan pengawalan yang mencukupi dilakukan ke atas aset atau aset di bawah jagaan Perbadanan dan ke atas pewujudan apa-apa liabiliti oleh Perbadanan.

(2) Menteri Kewangan boleh membuat peraturan yang perlu untuk mencapai objektif subseksyen (1) dan untuk memastikan sistem pengurusan kewangan dan kawalan dan amalan yang sempurna di dalam Perbadanan dan sebagai tambahan Menteri Kewangan boleh membuat peraturan mengenai—

- (a) pemungutan, penerimaan, penyimpanan, pengeluaran, perbelanjaan, pengakaunan yang sempurna, pengawasan dan pengurusan semua hasil, pinjaman, amanah, dan wang lain dan semua bon, debentur dan sekuriti lain, yang didapatkan atau diterima dengan apa-apa cara oleh atau ke atas akaun Perbadanan dan bagi panduan kesemua orang yang berkaitan dengannya;
- (b) pelantikan pegawai akaun Perbadanan dan tanggungjawabnya bagi memastikan wang dan aset Perbadanan adalah disimpan di bawah kawalan mereka setiap masa dan wang tersebut dibelanjakan dengan bijak, cermat dan sangat mengambil berat nilai yang diterima;
- (c) penyimpanan dan pemeriksaan secara lebih berkesan bagi semua penerimaan dan perbelanjaan dan penyimpanan semua buku dan akaun yang perlu oleh Perbadanan;
- (d) borang-borang untuk semua buku, penyata dan dokumen yang apa sahaja dikehendaki di bawah Enakmen ini atau peraturan di bawahnya;
- (e) pembelian, penyimpanan selamat, pengeluaran, penjualan, atau pelepasan lain atau penghapusan barang atau harta lain Perbadanan dan pengakaunan yang sempurna mengenai sebarang stok yang akan diambil mengenai barang dan harta tersebut;
- (f) penyediaan anggaran mengenai pendapatan dan perbelanjaan oleh Perbadanan.

Penyiasatan akaun

24. (1) Menteri atau Menteri Kewangan boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan orang yang dilantik olehnya untuk membuat penyiasatan terhadap buku, akaun dan transaksi Perbadanan.

(2) Perbadanan hendaklah memberi kepada orang itu buku, akaun dan dokumen dan hendaklah memberi maklumat yang dikehendaki untuk menjalankan penyiasatan:

Dengan syarat bahawa buku, akaun dan dokumen itu tidak boleh dikehendaki dikemukakan pada masa dan tempat yang akan mengganggu perjalanan urusan harian biasa Perbadanan.

Tahun kewangan dan akaun beraudit

25. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai tahun kewangan yang bermula 1 Januari.

(2) Akaun Perbadanan hendaklah diaudit setiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit lain yang dilantik oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri Kewangan.

(3) Perbadanan hendaklah dalam enam bulan selepas berakhirnya tiap-tiap satu tahun kewangan mengauditkan akaunnya dan menghantar kepada Menteri, bersama-sama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2) atas apa-apa penyata atau akaun Perbadanan bersama-sama dengan satu salinan laporan tahunan yang dirujuk dalam seksyen 26.

(4) Menteri Besar hendaklah menyebabkan satu salinan bagi tiap-tiap penyata bersama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2) atas apa-apa penyata atau akaun Perbadanan dan satu salinan laporan tahunan yang dirujuk dalam subseksyen (3) dan seksyen 26 dibentangkan di dalam persidangan Dewan Negeri yang akan datang.

Laporan tahunan

26. Perbadanan hendaklah, tidak lewat daripada 30 Jun setiap tahun kewangannya, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan Menteri Besar, suatu laporan mengenai aktiviti Perbadanan pada tahun sebelumnya.

Kuasa menggunakan ejen

27. Perbadanan boleh menggunakan dan membayar gaji ejen dan penasihat teknikal sama ada peguam cara, banker, broker saham, juruukur atau penilai atau lain-lain orang, bagi menjalankan apa-apa pekerjaan atau membuat apa-apa perbuatan yang dikehendaki menjalankan atau menyempurnakan bagi menjalankan tugas-tugas Perbadanan atau bagi menjalankan dengan lebih sempurna maksud Enakmen ini dan boleh membayar semua belanja dan bayaran yang ditanggung itu.

Pengecualian

28. Tidak tertakluk kepada apa-apa yang terkandung di dalam mana-mana undang-undang bertulis, Raja dalam Mesyuarat boleh, dengan perintah, mengecualikan Perbadanan daripada pembayaran duti setem di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] atau apa-apa kadar, cukai atau bayaran yang boleh dilevikan atau dikutipkan oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan dalam Negeri ini berhubung dengan apa-apa harta yang dipunyai oleh Perbadanan di atas terma-terma dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Raja dalam Mesyuarat.

BAHAGIAN VI

PENGGULUNGAN PERBADANAN

Penggulungan

29. (1) Raja dalam Mesyuarat boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya Perbadanan digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila Perbadanan dibubarkan, aset Perbadanan hendaklah, selepas semua tanggungan dijelaskan, boleh dilepaskan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri selepas berunding dengan Raja dalam Mesyuarat.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI PERKARA

Kuasa membuat peraturan-peraturan

30. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri Besar, membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini dengan lebih baik termasuk menetapkan suatu kod mengenai kelakuan dan perkara tatatertib.

(2) Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri dan selepas berunding dengan Menteri Besar, membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan dengan lebih baik peruntukan Enakmen ini dengan syarat peraturan-peraturan itu tidak berlawanan dengan peruntukan Enakmen ini.

(3) Raja dalam Mesyuarat boleh membuat apa-apa kaedah bagi maksud yang tidak berlawanan dengan peruntukan Enakmen ini.

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 14

ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK 1967

(Disemak — 2019)

*Butir-butir di bawah perenggan 6(b) dan (c)
Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Perak) 2005
[Enakmen 1]*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Enakmen 10/1974	Undang-Undang Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (Pindaan), 1974	10-12-1974
Enakmen 1/1976	Enakmen (Pindaan) Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, 1976	01-01-1968
Enakmen 6/1980	Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (Pindaan) 1980	01-09-1980
Enakmen 8/1981	Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (Pindaan), 1981	19-03-1982
Enakmen 4/1984	Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (Pindaan), 1984	19-03-1982

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIAN-BAHAGIANNYA YANG DIGANTIKAN ATAU DIMANSUHKAN

No.	Tajuk
Bil. 3 tahun 1967	Undang-Undang Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Tahun 1967

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 14

ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK 1967

(Disemak — 2019)

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Enakmen 10/1974	10-12-1974
4	Enakmen 10/1974 Enakmen 8/1981	10-12-1974 19-03-1982
5	Enakmen 8/1981	19-03-1982
6	Enakmen 8/1981	19-03-1982
7	Enakmen 10/1974 Enakmen 8/1981	10-12-1974 19-03-1982
8	Enakmen 10/1974 Enakmen 8/1981 Enakmen 4/1984	10-12-1974 19-03-1982 19-03-1982
11A	Enakmen 8/1981	19-03-1982
13	Enakmen 10/1974	10-12-1974
14	Enakmen 10/1974 Enakmen 8/1981	10-12-1974 19-03-1982
14A	Enakmen 8/1981	19-03-1982
15	Enakmen 10/1974 Enakmen 8/1981	10-12-1974 19-03-1982
16A	Enakmen 1/1976 Enakmen 8/1981	01-01-1968 19-03-1982
17	Enakmen 8/1981	19-03-1982

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
17A	Enakmen 6/1980 Enakmen 8/1981	01-09-1980 19-03-1982
18	Enakmen 10/1974 Enakmen 8/1981	10-12-1974 19-03-1982
19	Enakmen 10/1974 Enakmen 8/1981	10-12-1974 19-03-1982
19A	Enakmen 10/1974	10-12-1974
20	Enakmen 8/1981	19-03-1982
21	Enakmen 10/1974 Enakmen 8/1981	10-12-1974 19-03-1982
22	Enakmen 10/1974 Enakmen 8/1981	10-12-1974 19-03-1982
22A	Enakmen 8/1981	19-03-1982
23A	Enakmen 10/1974	10-12-1974
24	Enakmen 10/1974 Enakmen 8/1981	10-12-1974 19-03-1982
25	Enakmen 10/1974 Enakmen 8/1981	10-12-1974 19-03-1982

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 14

ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK 1967

(Disemak — 2019)

**SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA
 PENYEMAK UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 5 ENAKMEN
 PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (NEGERI PERAK) 2005
 [ENAKMEN 1]**

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
Susunan kandungan	Susunan kandungan di bawah tajuk “SUSUNAN SEKSYEN” dimasukkan	perenggan 5(1)(f)
Bentuk perkenan	Ditinggalkan	perenggan 5(1)(y)
Tajuk panjang	Perkataan “Suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya” menggantikan “Suatu Undang ² bagi menubuhkan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan bagi tujuan yang berkenaan dengannya”	perenggan 5(1)(t)
Tarikh kuat kuasa	Perkataan “20 Oktober 1967, Pk.En. 3/1967” dimasukkan dalam kurungan segi selepas tajuk panjang	subperenggan 5(1)(a)(v)
Ayat mengundang-undangkan	Ditinggalkan	subperenggan 5(1)(a)(vii)
seksyen 1 (nota bahu)	Perkataan “Tajuk ringkas” menggantikan “Gelaran pendek”	perenggan 5(1)(y)
seksyen 1	Perkataan “Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak 1967” menggantikan “Maka Undang ² ini boleh di-namakan Undang ² Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Tahun 1967”	perenggan 5(1)(t)
seksyen 2	Perkataan “Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain” menggantikan “Di-dalam Undang ² ini, kechualи jika karinah ayat-nya berkehendakkan ma’ana yang lain maka”	perenggan 5(1)(t)
seksyen 2 Dalam tafsiran-	Susunan tafsiran disusun mengikut susunan abjad versi bahasa Inggeris berdasarkan teks sahih undang-undang bagi versi semakan ini.	perenggan 5(1)(y)
“Perbadanan”	Perkataan “kawasan” menggantikan “kawasan-kawasan”	perenggan 5(1)(v)
“Kumpulan Wang”	Perkataan “seksyen 20” menggantikan “Seksyen 18”	perenggan 5(1)(y)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
“Dewan Negeri”	Perkataan “Dewan Negeri ertiannya Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan” menggantikan “Dewan Perundangan berma’ana Dewan Perundangan Negeri Perak”	perenggan 5(1)(p) dan (t)
“ahli” atau “ahli Perbadanan”	Perkataan “seseorang” menggantikan “seorang”	perenggan 5(1)(y)
“Menteri”	Perkataan “Menteri sebagaimana yang dinamakan” menggantikan “menteri yang dipilih”	perenggan 5(1)(y)
seksyen 3 (nota bahu)	Perkataan “Penubuhan dan pemerbadanan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak” menggantikan “Mengadakan dan menubuhkan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak”	perenggan 5(1)(t)
seksyen 3	Seksyen 3 dipecahkan, digubal dan dinomborkan semula sebagai subseksyen yang baru 3(1), (2), (3) dan perenggan 3(4)(a), (b) dan (c) seperti yang berikut: “3.(1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Perbadanan Kemajuan Negeri Perak” adalah ditubuhkan.	perenggan 5(1)(k), (l) dan (t)
	(2) Perbadanan adalah kekal turun-temurun.	
	(3) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya sendiri.	
	(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini, Perbadanan boleh—	
	(a) membuat kontrak;	
	(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan	
	(c) memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, mengadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau menjalankan urusan, mengenai apa-apa harta alih atau tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak kepada Perbadanan mengikut apa-apa syarat yang disifatkan patut oleh Perbadanan.”	
perenggan 4(1)(a)	Perkataan “seorang Pengerusi, iaitu Menteri Besar” menggantikan “seorang Pengerusi iaitu orang yang pada masa itu menyandang jawatan Menteri Besar, Perak”	perenggan 5(1)(o) dan (v)
perenggan 4(1)(b)	1. Perkataan “hendaklah” menggantikan “akan” 2. Tanda koma bertitik menggantikan tanda koma	perenggan 5(1)(y) perenggan 5(1)(o)
perenggan 4(1)(c)	1. Perkataan “hendaklah” menggantikan “akan” 2. Tanda noktah menggantikan tanda noktah bertindih	perenggan 5(1)(y) perenggan 5(1)(o)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
proviso	Ditinggalkan	subperenggan 5(1)(a)(ii)
subseksyen 4(2)	Perkataan “Seseorang ahli Perbadanan, selain daripada yang dilantik di bawah perenggan (1)(c), hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan adalah layak dilantik semula, melainkan jika dia terlebih dahulu meletak jawatannya atau pelantikannya dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Melantik” menggantikan “Seseorang ahli Perbadanan selain daripada yang disebutkan dalam perenggan (c) seksyen-kecil (1) hendaklah, melainkan jika ia meletakkan jawatannya terlebih dahulu atau perlantikannya dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Melantik, memegang jawatan selama suatu tempoh tidak lebih daripada dua tahun dan adalah layak dilantik semula”	perenggan 5(1)(o) dan (t)
proviso	<p>1. Perkataan “meletakkan jawatan” menggantikan “meletak jawatannya” dan perkataan “dilantik untuk menggantikannya bagi baki tempoh pelantikan ahli yang digantikan itu” menggantikan “dilantik menggantikannya bagi baki tempoh ahli yang digantikan”</p> <p>2. Perkataan “bahawa” dipotong</p> <p>3. Tanda koma dimasukkan selepas perkataan “Pihak Berkuasa Melantik”</p>	perenggan 5(1)(y)
subseksyen 4(3)	Perkataan “semasa” menggantikan “dalam masa”, perkataan “berkeupayaan” menggantikan “berdaya” dan perkataan “ketiadaan sementara daripada Malaysia” menggantikan “ia tidak ada dalam Persekutuan buat sementara”	perenggan 5(1)(y)
seksyen 5 (nota bahu)	Perkataan “Hilang kelayakan menjadi ahli” menggantikan “Hilang kelayakan keahlian”	perenggan 5(1)(y)
subseksyen 5(1)	Perkataan “Orang-orang berikut hendaklah” menggantikan “Orang-orang yang berikut adalah”	perenggan 5(1)(y)
perenggan 5(1)(a)	Perkataan “selainnya tidak berkeupayaan menunaikan kewajipannya” menggantikan “sebaliknya tidak berdaya melaksanakan kewajipan-kewajipannya”	perenggan 5(1)(y)
perenggan 5(1)(c)	Perkataan “seseorang yang telah disabitkan bersalah atas kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak” menggantikan “seseorang yang telah didapati salah atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak”	perenggan 5(1)(y)
subseksyen 5(2)	Perkataan “dia” menggantikan “ia”, perkataan “dipertanggungjawabkan” menggantikan “bertangungjawab berhubung” dan perkataan “hilang kelayakan” menggantikan “telah hilang kelayakannya”	perenggan 5(1)(y)
seksyen 6 (nota bahu)	Perkataan “Mesyuarat dan korum” menggantikan “Korum dan acara mesyuarat-mesyuarat”	perenggan 5(1)(y)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
subseksyen 6(1)	Perkataan “Perbadanan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap tahun bagi maksud menimbangkan perbelanjaan tahunan bagi tahun yang akan datang dan apa-apa urusan yang mengenainya notis diberi dengan sempurnanya” menggantikan “Perbadanan hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap tahun bagi maksud menimbang, selain daripada apa-apa hal yang telah diberi notis dengan sempurnanya, belanjawan tahunan bagi tahun yang akan datang”	perenggan 5(1)(o), (t) dan (y)
subseksyen 6(2)	Perkataan “Pengerusi boleh pada bila-bila masa memanggil diadakan mesyuarat Perbadanan dan hendaklah, apabila diminta secara bertulis oleh tidak kurang daripada tiga orang ahli Perbadanan, memanggil diadakan suatu mesyuarat khas dalam masa sebulan dari tarikh permintaan itu” menggantikan “Pengerusi boleh pada bila-bila masa memanggil supaya diadakan mesyuarat Perbadanan dan hendaklah, apabila ada permintaan bertulis daripada tidak kurang dari tiga orang ahli Perbadanan, memanggil supaya diadakan mesyuarat khas di dalam tempoh sebulan daripada tarikh permintaan itu”	perenggan 5(1)(t) dan (y)
subseksyen 6(3)	Perkataan “Minit dalam bentuk yang sepatutnya bagi setiap mesyuarat Perbadanan hendaklah disimpan dan disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi dengan secepat mungkin yang dapat dilaksanakan sesudah itu dalam mesyuarat yang kemudian” menggantikan “Minit-minit dalam bentuk yang wajar bagi tiap-tiap satu mesyuarat Perbadanan hendaklah disimpan dan disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi dengan secepat mungkin yang boleh selepas itu pada mesyuarat yang akan datang”	perenggan 5(1)(t) dan (y)
subseksyen 6(4)	Perkataan “mananya” menggantikan “seorang atau lebih” dan perkataan “orang” menggantikan “orang-orang”	perenggan 5(1)(v)
subseksyen 6(5)	Subseksyen 6(5) dipecahkan, digubal dan dinomborkan semula sebagai subseksyen yang baru 6(5) dan 6(6) seperti yang berikut: “ 6. (5) Korum di semua mesyuarat Perbadanan hendaklah separuh daripada ahlinya hadir dengan sekurang-kurangnya seorang ahli wakil Kerajaan Persekutuan hadir. (6) Walau apa pun yang dinyatakan dalam subseksyen (5), sesuatu mesyuarat Perbadanan yang menimbang atau memutuskan perkara-perkara yang dirujuk di bawah perenggan 17(1)(a) hingga (d), korum hendaklah dua pertiga dengan sekurang-kurangnya seorang ahli wakil Kerajaan Persekutuan hadir.”	perenggan 5(1)(k), (l) dan (t)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
subseksyen 6(7)	<p>1. Subseksyen 6(6) dinomborkan semula sebagai 6(7)</p> <p>2. Perkataan “Jika atas suatu persoalan untuk diputuskan oleh Perbadanan, terdapat persamaan undi, orang yang mempengerusikan mesyuarat itu, hendaklah mempunyai undi pemutus” menggantikan “Jika mengenai sesuatu soal yang hendak diputuskan oleh Perbadanan bilangan undi didapati sama banyaknya, orang yang mempengerusikan mesyuarat itu adalah berhak memberi undi pemutus”</p>	perenggan 5(1)(k) perenggan 5(1)(o) dan (y)
subseksyen 6(8)	<p>1. Subseksyen 6(7) dinomborkan semula sebagai 6(8)</p> <p>2. Perkataan “Tertakluk kepada subseksyen (1) hingga (7), Perbadanan bolehlah menentukan tatacaranya sendiri” menggantikan “Tertakluk kepada peruntukan seksyen-seksyen-kecil yang terdahulu, Perbadanan bolehlah menetapkan acaranya sendiri”</p>	perenggan 5(1)(k) perenggan 5(1)(t)
seksyen 7 (nota bahu)	Perkataan “Percanggahan kepentingan” menggantikan “Kepentingan yang bertentangan”	perenggan 5(1)(y)
subseksyen 7(1)	Perkataan “Tiada seorang pun ahli Perbadanan boleh mempunyai apa-apa kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui saudara maranya, dari segi kewangan atau selainnya, dalam mana-mana rancangan, projek, perusahaan atau kontrak yang dijalankan atau yang dicadangkan akan dijalankan oleh Perbadanan atau dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Perbadanan, sekiranya ahli itu mempunyai kepentingan, dia hendaklah dengan serta merta terhenti daripada menjadi ahli Perbadanan” menggantikan “Tiada seorang ahli Perbadanan boleh mempunyai (jika ia ada, ia hendaklah dengan serta merta terhenti daripada menjadi ahli) apa-apa kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, bersendirian atau melalui sanak-saudara, kewangan atau sebaliknya dalam apa jua rancangan, projek perusahaan atau kontrak yang dijalankan atau yang dicadangkan akan dijalankan oleh Perbadanan atau dalam apa-apa hal yang dalam perbincangan oleh Perbadanan”	perenggan 5(1)(o) dan (y)
subseksyen 7(2)	Perkataan “Subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang ahli Perbadanan berkenaan dengan kepentingannya dalam sesebuah syarikat atau badan lain yang dia telah dinamakan oleh Perbadanan sebagai wakilnya dan dalam hal di mana syarikat atau badan lain itu berada di bawah kawalan atau separuh kawalan Perbadanan” menggantikan “Seksyen-kecil (1) tidak boleh dipakai terhadap seorang ahli mengenai kepentingannya dalam sebuah syarikat atau badan lain yang mana ianya telah dinamakan oleh Perbadanan sebagai wakilnya dan jika Perbadanan atau badan lain itu adalah di bawah kawalan atau separuh kawalan Perbadanan”	perenggan 5(1)(t)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
seksyen 8 (nota bahu)	Perkataan “Meterai Perbadanan” menggantikan “Meteri Perbadanan”	perenggan 5(1)(t)
subseksyen 8(1)	Perkataan “Meterai Perbadanan hendaklah mempunyai suatu tanda sebagaimana yang diluluskan oleh Perbadanan dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu oleh Perbadanan sebagaimana yang difikirkan patut” menggantikan “Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meteri yang mengandungi tanda sebagaimana yang diluluskan oleh Perbadanan dan meteri itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, dipinda dan dibuat baharu oleh Perbadanan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan”	perenggan 5(1)(t) dan (v)
subseksyen 8(2)	Perkataan “Sehingga suatu meterai diadakan oleh Perbadanan, suatu cap yang mengandungi perkataan “Perbadanan Kemajuan Negeri Perak” bolehlah digunakan sebagai meterai” menggantikan “Sehingga suatu meterai diadakan oleh Perbadanan di bawah seksyen ini suatu cap mengandungi nama “Perbadanan Kemajuan Negeri Perak” boleh digunakan sebagai meteri”	perenggan 5(1)(o) dan (t)
subseksyen 8(3)	Perkataan “Meterai atau cap yang disebut dalam subseksyen (2), selagi digunakan sebagai meterai hendaklah, disimpan dalam jagaan Pengerusi dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang menghendaki meterai Perbadanan, hendaklah dimeterai dengan meterai atau cap Perbadanan di hadapan Pengerusi dan seorang ahli atau pegawai Perbadanan yang diberi kuasa oleh Perbadanan untuk bertindak bagi pihaknya, dan mereka yang menandatangani surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang dimeteraikan itu dan tandatangan yang sedemikian hendaklah menjadi bukti yang mencukupi bahawa meterai atau cap itu telah dicapkan dengan sempurna dan meterai atau cap itu digunakan sebagai meterai yang sah bagi Perbadanan” menggantikan “Meteri atau cap yang tersebut dalam seksyen kecil (2) selagi ia digunakan sebagai meteri hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi, dan segala surat-surat ikatan, suratan-suratan dan lain-lain suratcara yang memerlukan meterai Perbadanan hendaklah dimeterikan dengan meterai atau cap Perbadanan di hadapan Pengerusi dan seorang ahli atau pegawai Perbadanan yang diberi kuasa oleh Perbadanan bagi maksud itu, dan mereka akan menandatangani surat-surat ikatan, suratan-suratan atau lain-lain suratcara yang dimeterikan itu dan tandatangan yang sedemikian adalah menjadi bukti yang cukup bahawa meterai atau cap itu telah dikenakan dengan sempurna dan ia adalah atau digunakan sebagai meteri Perbadanan yang sah”	perenggan 5(1)(o) dan (t)
subseksyen 8(4)	Perkataan “diberi pengiktirafan” menggantikan “diiktiraf dalam hal”	perenggan 5(1)(y)
seksyen 9 (nota bahu)	Perkataan “Kuasa Perbadanan untuk mewakilkan” menggantikan “Kuasa Perbadanan bagi mewakilkan”	perenggan 5(1)(y)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
subseksyen 9(1)	<p>Perkataan “Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Perbadanan boleh melalui ketetapan mewakilkan kepada mana-mana ahli, pegawai atau kakitangan Perbadanan atau kepada mana-mana jawatankuasa yang mengandungi dua atau lebih ahli, pegawai atau kakitangan Perbadanan, kuasa dan kebenaran untuk menjalankan bagi pihak mereka apa-apa tugas, kuasa atau fungsi sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan” menggantikan “Terta’alok kapada peruntukan² Undang² ini dan mana² dan mana-mana peratoran yang di-buat di-bawah-nya, Perbadanan boleh dengan membuat ketetapan mewakilkan mana² ahli, pegawai atau kaki-tangan Perbadanan atau mana² Jawatankuasa mengandungi dua orang ahli atau lebih, pegawai² atau kaki-tangan² Perbadanan itu kuasa dan kebenaran menjalankan bagi pehak-nya tugas², kuasa² atau kewajipan² sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Perbadanan”</p>	perenggan 5(1)(t)
subseksyen 9(2)	<p>Perkataan “Perbadanan boleh bagi maksud subseksyen (1), memberi arahan bagaimana kuasa yang diwakilkan atau kebenaran itu dilaksanakan dan boleh pada bila-bila masa membatalkan, meminda atau menambah pewakilan itu” menggantikan “Perbadanan boleh pada masa mewakilkan mana² kuasa atau kebenaran di-bawah pechahan sekshen (1) kapada mana² ahli, pegawai, kaki-tangan atau jawatan-kuasa, atau pada bila² masa sa-lepas itu memberi arahan tentang chara bagaimana pewakilan kuasa atau kebenaran itu akan di-jalankan dan boleh pada bila² masa, membatalkan, meminda atau menambahi pewakilan itu”</p>	perenggan 5(1)(t) dan (v)
